



LAPORAN PENILAIAN

**LATIHAN LANJUTAN e-LEARNING
NOVEMBER - DISEMBER**

**Latihan Flash For e-Learning
Latihan Power Point For e-Learning**

**BAGI FAKULTI-FAKULTI
UiTM SHAH ALAM & KAMPUS CAWANGAN**

UNIT
PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN
DAN PENGKOMERSILAN



PUSAT i-LEARN
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

2008



LAPORAN
KAJIAN PENILAIAN PROGRAM
LATIHAN LANJUTAN E-LEARNING
PENSYARAH

Latihan Flash For E-Learning
Latihan Power Point For E-Learning

BAGI FAKULTI- FAKULTI DI UiTM SHAH ALAM
&
KAMPUS CAWANGAN UiTM

PADA
20 NOVEMBER & 2, 4, 19 DISEMBER 2008

PENGENALAN

Menuntut ilmu merupakan suatu kewajiban yang amat dituntut kepada setiap umat manusia tidak kira masa atau usia. Proses pembelajaran sebenarnya berlaku sepanjang hayat (*Lifelong Learning*). Terdapat pelbagai kaedah dan alat yang boleh digunakan untuk tujuan pembelajaran dan ianya sentiasa berubah dari masa ke semasa mengikut peredaran masa. Kemajuan sains dan teknologi telah banyak mengubah cara manusia berurusan dalam apa saja bidang termasuklah dalam bidang pendidikan dan pembelajaran. Kini, penggunaan ICT dalam dunia pendidikan dan pembelajaran semakin dipertingkatkan dari masa ke semasa. Penggunaan ICT ini menyebabkan tiada lagi alasan untuk tidak belajar kerana kemudahan ICT ini amat banyak. Oleh yang demikian, latihan lanjutan ini perlu ditingkatkan kepada para tenaga pengajar bagi membantu dari segi penyampaian ilmu yang lebih baik dan boleh dirujuk selalu oleh para pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai. Antaranya ialah :

- I. Mendapatkan maklum balas pelanggan yang akan digunakan dalam membentuk program-program masa depan bagi pembangunan '*e-learning*'.
- II. Meningkatkan kualiti program dengan mengenal pasti prestasi kemajuan dan kelemahan program dalam memenuhi keperluan pembangunan '*e-learning*'.

KEPENTINGAN KAJIAN

Antara kepentingan kajian ini adalah:

Kajian ini adalah sebahagian praktis pengurusan kualiti Pusat i-Learn Hal Ehwal Akademik Universiti Teknologi MARA, Malaysia yang menggunakan kaedah analisa kajian daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada peserta selepas program dijalankan bagi tujuan mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan ruang untuk ditambahbaik. Ia juga menyediakan laporan dalam menentukan keperluan-keperluan pada masa akan datang yang mana melibatkan satu siri data (*historical data*) yang menjadi rujukan dari masa ke semasa.

Kajian ini juga diharap dapat membantu pihak pengurusan i-Learn dalam merangka semua aktiviti pada masa akan datang dengan lebih berkesan. Analisa kajian ini diharap dapat membantu pihak pengurusan i-Learn dalam mencari kelemahan-kelemahan yang perlu penambahbaikan seterusnya ini akan meningkatkan kualiti program dengan mengambil langkah bijak dengan menangani masalah yang timbul bagi pembangunan keperluan e-learning.

KAJIAN LITERATUR

Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (*National Information Teknologi Agenda*, NITA) telah dilancarkan pada Disember 1996 oleh '*National IT Council*' (NITC) yang dipengerusikan oleh YAB bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. NITA memberikan garis panduan bagaimana teknologi maklumat dan komunikasi (*Information, Communication and Technology, ICT*) dapat digunakan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju selaras dengan Wawasan 2020 (NITC, 2001). Salah satu inisiatif awal NITC adalah untuk mewujudkan '*Multimedia Super Corridor MSC*' bagi mencapai agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan. Beberapa strategi telah dirancang oleh pihak NITC untuk membawa Malaysia ke era globalisasi dalam abad ke-21 ini. Lima bidang utama yang telah dikenalpasti untuk diberi tumpuan khas adalah '*e-Community*', '*e-Public services*', '*e-Learning*', '*e-Economy*' dan '*e-Sovereignty*'. Kementerian Pendidikan Malaysia dan sektor swasta dipertanggungjawabkan untuk menjayakan agenda '*e-learning*' kebangsaan.

Definisi '*e-learning*' ini seringkali berubah-ubah selaras dengan kemajuan teknologi pada masa kini. Ia juga seringkali disalah tafsirkan dalam iklan-iklan promosi pendidikan. Bagaimanapun secara umumnya, '*e-learning*' adalah sebarang pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik (LAN, WAN atau Internet) untuk penyampaian isi kandungan, interaksi ataupun pemudahcaraan. Internet, intranet, satelit, tape audio/video, TV interaktif dan CD-ROM adalah sebahagian dari media elektronik yang dimaksudkan di dalam kategori ini. Pengajaran boleh disampaikan secara '*synchronously*' (pada waktu yang sama) ataupun '*asynchronously*' (pada waktu yang berbeza). Bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui media ini mempunyai teks, grafik, animasi, simulasi, audio dan video. Ia juga harus menyediakan kemudahan untuk '*discussion group*' dan bantuan profesional isi pelajaran secara dalam talian ('*on-line*') (Learnframe, 2001).